



Headline	Rafale mampu majukan industri aeroangkasa		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	30 Mar 2013	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	E2	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	162 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 368
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,105



# Rafale mampu majukan industri aeroangkasa

LANGKAWI, Jumaat — Kerjasama Rafale International dengan industri dan universiti membuktikan komitmennya untuk menyumbang ke arah pembangunan keupayaan Malaysia dalam rantaian bekalan industri aeroangkasa global.

Syarikat berkata, dengan lebih daripada 10 kerjasama yang sedang berlangsung, ia mencerminkan komitmen jangka panjang Rafale kepada Malaysia.

Rafale, syarikat usaha sama yang terdiri daripada peneraju aeroangkasa Dassault Aviation, Snecma (Safran Group) dan Thales sedang membida untuk menawarkan jet-jet pejuangnya kepada Tentera Udara Diraja Malaysia untuk program penggantian jet pejuang buatan Rusia, MiG-29N.

Ketua Pegawai Eksekutif Dassault Aviation dan Rafale

International, Eric Trappier berkata, pembangunan modal insan dan teknologi ialah keutamaan untuk Rafale bagi memastikan kejayaan peminjaman teknologi yang diperlukan dan pembangunan bersama teknologi masa depan.

“Rafale fokus kepada memajukan kerjasama jangka panjang yang mampan dan projek yang menyumbang ke arah pembangunan modal insan di dalam negara.

“Kami percaya dalam perancangan, komitmen dan pelaburan adalah penggerak utama kepada hubungan kami dengan Malaysia,” kata beliau dalam satu kenyataan.

Kumpulan, yang memajukan jet pejuang pelbagai peranan itu, mempunyai pasukan yang amat berdedikasi yang terus bekerja keras untuk mengenal pasti rakan baharu dan beker-

jasama dengan pertubuhan dan badan tempatan.

Ia juga telah mewujudkan kerjasama dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Strand Aerospace Malaysia Sdn. Bhd.

Rafale juga berusaha sama dengan CTRM Group dan anak-anak syarikatnya, Zetro Aerospace, Universiti Kuala Lumpur, Universiti Teknologi Mara, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dan SME Corp.

“Terdapat juga perjanjian-perjanjian baharu dalam perancangan yang kumpulan jangka dalam kenal pasti dalam minggu-minggu akan datang,” kata syarikat. — Bernama